

PM pecah rekod berdiri lebih 3 jam

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memecah rekod dengan berdiri berterusan selama lebih tiga jam dan menjawab lebih 30 soalan dari para peserta.

Perdana Menteri mula berucap pada jam 9 pagi dan berakhir kira-kira jam 12.30 tengah hari untuk memberi peluang kepada peserta Dialog Perdagangan dan Perindustrian untuk mengemukakan apa jua masalah mengenai industri mereka kepada kerajaan.

Majlis dialog tahunan yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dihadiri oleh lebih 300 orang yang terdiri dari kalangan ahli-ahli korporat termasuk ketua-ketua eksekutif syarikat.

Ahli-ahli korporat berkenaan bertanyakan kepada Dr. Mahathir sekitar soalan dari berbentuk ekonomi hinggalah kepada politik dan termasuk juga masalah bahasa ekoran dari penubuhan cawangan universiti asing di negara ini.

"Inilah dialog perdagangan pertama yang diadakan antara peserta dengan Perdana Menteri," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Maklum balas

Sementara Perdana Menteri berkata, tujuannya berbuat demikian adalah untuk mendapatkan maklum balas dari semua pihak untuk dijadikan asas bagi melaksanakan pembaharuan di masa-masa akan datang.

Sungguhpun perwakilan mengajukan berbagai soalan tetapi beliau dapat menjawabnya dengan penuh tenang dan peserta berpuas hati dengan jawapan yang diberikan.

Misalnya seorang perwakilan bertanyakan jika sekiranya kerajaan terus membenarkan cawangan universiti asing dibenarkan ditubuh di sini tidakkah ia boleh melambatkan pertumbuhan bahasa Malaysia. Perdana Menteri berkata, ia tidak benar sama sekali kerana kerajaan akan mengawal dari segi kurikulumnya.

"Sebelum ini kita menghantar pelajar ke luar negeri tidak ada sesiapa yang menyebut pasal bahasa Malaysia," katanya.

Malah katanya, dengan membenarkan penubuhan universiti dalam negeri, kerajaan akan menjimatkan pertukaran asing dengan jumlah yang banyak. Pada masa kini sebanyak 30,000 pelajar belajar di luar negara dan setiap pelajar membelanjakan RM30,000 setahun untuk mendapat pendidikan di sana.